



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	25/3/2021	MUKA SURAT	:	27
JABATAN	:	ZOO MELAKA			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Penantian hampir sedekad Zoo Melaka berakhir

MELAKA - Penantian hampir sedekad warga Zoo Melaka untuk mendapat ahli keluarga baharu dalam kumpulan harimau kumbang kini menghampiri penghujungnya apabila seekor daripada haiwan itu bunting.

Ketua Unit Zoologi Zoo Melaka, Azman Ghazali berkata, Seri yang berusia dalam lingkungan lapan tahun, sedang bunting dalam anggaran tiga bulan.

"Kita jangka Seri akan melahirkan anak sekitar April ini. Jadi segala persiapan telah diatur termasuk doktor dan penjaga yang akan mengawasinya setiap masa.

"Kami juga telah pindahkan Seri ke ruang belakang agar gangguan dapat dikurangkan serta memberi keselesaan kepadanya," katanya.

Kali terakhir zoo itu menerima kelahiran harimau kumbang ialah sembilan tahun lepas.

Mengulas lanjut, Azman berkata suasana sepi dan tenang tanpa kunjungan pelawat berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini telah memberi ruang kepada Seri serta haiwan lain berinteraksi secara semula jadi termasuk mengawan.

Selain Seri, Zoo Melaka juga sedang menunggu kelahiran anak kepada Ros, seekor zرافah yang berumur 15 tahun serta seekor beruang matahari yang dijangkakan berlaku dalam masa terdekat. -

Bernama

Sinar Harian 25/3/2021 m/s 27